



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.67/2018

SPR NAFI TURUNKAN BAHAN KEMPEN CALON BARISAN NASIONAL (BN) DI PRK SUNGAI KANDIS

1. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menafikan dakwaan yang dibuat oleh Calon Barisan Nasional (BN) bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN N.49 Sungai Kandis, Dato' Lokman Noor Adam bahawa SPR telah bertindak menurunkan bahan kempen yang dipasang oleh calon berkenaan kerana dianggap menimbulkan perasaan tidak selesa kepada pihak lain.
2. SPR menegaskan bahawa tiada sebarang tindakan penurunan bahan kempen tersebut dibuat oleh Pasukan Penguat kuasa Kempen Pilihan Raya (PPKPR) seperti yang didakwa, malah wakil calon parti berkenaan juga turut menganggotai PPKPR yang diwujudkan oleh SPR itu.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI OTHMAN BIN HAJI MAHMOOD

Timbalan Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

30 Julai 2018 / 17 Zulkaedah 1439H